

MENENTANG FAHAMAN KOMUNIS BUKAN ERTINYA MENYOKONG DEMOKRASI BARAT!

Fuad Siraj al-Din Basha Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kewangan Mesir telah membayangkan dasar siasah kerajaannya sebagaimana yang telah disiarkan oleh akbar baharu-baharu ini katanya :

“Kita sekalipun memerangi Komunis di negeri kita disebabkan dia suatu cara peraturan yang tidak sesuai dengan agama dan susunan peraturan kita tetapi bukanlah maknanya bahawa kita memerangi Rusia yang bersifat sebuah kerajaan.”

(oleh Samihuddin)

Rasanya tidak ada seorang yang insaf – walau bagaimana pun pendiriannya – daripada mengakui bahawa segala kata-kata yang demikian itu adalah menunjukkan dengan sepenuhnya akan siasah yang patut diikuti – dan yang mesti diikuti – terhadap Rusia dan Komunis.

Kita tertarik memperkatakan yang demikian ini ialah kerana memandang kepada pertelingkahan fahaman manusia yang berbagai corak ragamnya itu, kerana tiap-tiap kata-kata yang menentang akan fahaman Komunis itu difaham oleh setengah pihak adalah menentang Rusia yang bersifat sebuah kerajaan, dan bahawa tiap-tiap serangan terhadap Komunis adalah difaham sebagai menyokong demokrasi barat – yang bukannya sebagai suatu peraturan hidup dan fahaman yang berdasarkan siasah – tetapi sebagai suatu gabungan beberapa kerajaan yang diketuai oleh kerajaan-kerajaan yang menindas masalah-masalah dan hak-hak kita.

Orang yang mengambil pengertian seperti yang disebutkan itu sangat bersalahan. Orang-orang Islam tetap berpendirian menentang ajaran Karl Marx yang bersifat sebagai suatu mazhab yang mengenai siasah, iktisad dan masyarakat kerana bertentangan dengan sepenuhnya akan ajaran Islam yang maha suci.

Pertentangan jelas nyata kerana fahaman Komunis itu terdiri di atas kebendaan semata-mata dan meniadakan wujud Allah azza wajalla, sedang Islam – dan lain-lain agama juga – terdiri di atas asas rohani yang

mengatasi segala kebendaan. Dalam pada itu bukan pula ertinya bahawa segala agama – terutama Islam – mencuaikan segala yang berupa kebendaan di dalam masyarakat hidup manusia. Kesemua agama amat mengambil berat terhadap kebendaan itu tetapi tidak berkehendak menjadikan dia sebagai tujuan – sebagaimana yang dilakukan oleh Komunis – hanya menjadikan dia sebagai jalan sahaja.


Orang-orang yang tidak berpelajaran agama akan terpengaruh mempercayai bahawa ajaran Komunis menuju kepada memperbaiki keadaan masyarakat yang tempang dan kucar kacir itu.

Kita tidak hendak mendustakan propaganda yang demikian ini disebabkan banyak berita yang telah sampai kepada kita yang disebelah sini berkenaan penindasan dan kekejaman yang berlaku di dalam kawasan negara-negara Komunis yang dilindungi oleh tabir besi itu. Kita tidak akan menyentuh segi ini, hanya sanya kita suka mengingatkan bahawa ajaran yang dianjurkan oleh Islam adalah salah satu daripada tujuan yang terpenting sekali ialah memperbaiki masyarakat hidup manusia di dunia dengan cara yang lebih sempurna dan lebih meliputi daripada cara-cara yang dibentuk oleh Komunis itu.

Islam meskipun mementingkan rohani tetapi adalah bekerja dengan sempurnanya memperbaiki segi-segi yang mengenai iktisad dan telah meluaskan cara-cara yang sangat-sangat elok bagi menghasilkan keadilan dalam pembahagian kekayaan, meninggikan darjat hidup dan menghapuskan


Tingkwon

**Dapur Minyak Tanah
Perbuatan Amerika:
Cap Kekupu**




Muka atasnya terlengkap dengan timah sari yang kukuh:
Bersih
Ada membawa satu bauan
Kurang memakan minyak tanah.

**Lampu Pam:
Cap Bintang
Cap Kekupu
Cap Mata**



Terang dan
kurang memakan
minyak tanah.



Pembahagi Khas:

LEA HIN Co.,
231, South Bridge Road, Singapore.
Tel: 3166 - T. A. "CHINALAMP"

pengangguran. Kejayaan dalam lapangan ini sesungguhnya telah mengatasi segala mazhab yang berdasarkan kebendaan sebagaimana yang dipeluk oleh orang-orang Fasis, Sosialis, Komunis dan Demokratik. Ini adalah menjadi sebesar-besar dalil-dalil bahawa Islam ialah peraturan hidup yang sempurna dan meliputi!

Sungguh indah gambaran pena Almarhum "Iqbal" pujangga Islam yang masyhur itu tatkala menjelaskan hakikat ini, katanya :

"Dalam masa yang di dalamnya kita berkata bahawa "rohani" itu menjadi asal yang menerbitkan hidup, maka bolehlah dikata bahawa "kebendaan" itu ialah anasir yang terutama di antara barang yang keluar mencurah-curah dari tempat penerbitan ini."

Oleh yang demikian kalaulah orang-orang yang terpengaruh fahaman Komunis berpeluang mempelajari agamanya dengan sedalam-dalamnya nescaya mereka akan mendapat ketahuai bahawa Islam tidak mencuaikan hidup yang mementingkan kebendaan

tetapi dia mengambil daripada "kebandaran hidup" itu jalan bagi kemajuan manusia dalam lapangan rohani. Hakikat yang demikian ini ialah pati susunan iktisad dan masyarakat yang telah dianjurkan oleh junjungan kita Muhammad bin Abdullah Sallahualahi wassalam.

Kesimpulannya oleh kerana agama kita telah mengaturkan bagi kita seelok-elok peraturan bagi memperbaiki masyarakat hidup dan kedudukan kita dalam lapangan iktisad, maka apakah yang menghendaki kita mencari suatu peraturan yang lain yang telah didasarkan di atas menafikan wujud Allah dan agama?

Dari sini timbul wajibnya bagi tiap-tiap Muslim yang Sebenar-benarnya mencintai agama, bangsa dan tanah airnya memerangi tiap-tiap fahaman yang menyesatkan barang di mana sahaja tumbuhnya dan dari pihak mana sahaja datangnya !!